

14 AUG 2001

Taib-Pilihan Raya

BN S'WAK TELAH PERINCI CALON BAGI PILIHAN RAYA NEGERI, KATA KM

KUCHING, 14 Ogos (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sarawak telah memperincikan senarai 62 calonnya bagi pilihan raya negeri akan datang, kemungkinan akan diadakan bulan depan. menurut Ketua Menteri dan Ketua BN negeri Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Abdul Taib berkata beliau akan berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad, yang merupakan pengerusi BN, dalam beberapa hari lagi bagi mengesahkan senarai itu dan memberikan taklimat mengenai persiapan bagi pilihan raya itu.

"Saya telah memperincikan barisan calon bagi 62 kerusi. Kata putus terletak di tangan Perdana Menteri. Saya sudah ada tarikh bila untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar BN bagi kaum Bidayuh di sini hari ini.

Abdul Taib berkata tarikh itu bukannya di luar jangkaan.

"Saya tidak akan membuat kejutan terutama mengenai pilihan raya negeri. BN bersikap adil dalam memberikan masa kepada pihak pembangkang untuk berkempen," katanya.

Mengenai spekulasi bahawa bekas menteri pertahanan Datuk Abang Abu Bakar akan meletakkan 45 calon bagi menafikan kemenangan BN di kesemua 62 kerusi, Abdul Taib berkata terpulang kepada rakyat untuk memutuskannya.

"Kami telah bekerja keras dan mereka pastinya akan memilih BN," katanya.

Abdul Taib juga mengesahkan bahawa BN akan meletakkan calon Selako-Bidayuh di Tanjung Datu bagi menggantikan penyandang wakil rakyat di kawasan itu Datuk Ramsay Jitam yang juga merupakan Menteri Muda Pertanian dan Industri Makanan Negeri.

Tanjung Datu adalah kerusi yang diperuntukkan bagi Bidayuh yang dipegang oleh komponen BN, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), dengan Jitam telah menjadi wakilnya bagi empat penggal berturut-turut.

Jitam sebelum ini berkata bahawa beliau akan patuh dengan keputusan SUPP untuk menggugurkan beliau.

SUPP juga telah mengumumkan bahawa ia akan mencalonkan muka baru di Bengoh yang telah diwakili William Tanyuh sejak dua penggal lepas.

Pengamal perubatan swasta Dr Jerip Susil, yang telah meletakkan jawatan dari Parti Reformasi Negeri (STAR) baru-baru ini, dikatakan akan bertanding atas tiket BN di Bengoh pada kali ini.

-- BERNAMA

FLL RHM